

# PAC jumpa Mahathir bincang isu automotif

UM - 1 AUG 2005

KUALA LUMPUR 31 Julai – Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC), Datuk Shahrir Samad akan mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad esok bagi mendapatkan pandangan mengenai industri automotif negara.

Isu permit import (AP) kereta juga akan dibincangkan.

Shahrir yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BBCBN) berkata, Dr. Mahathir sebagai arkitek industri automotif negara tentu mempunyai pandangan bagaimana untuk memantapkan industri tersebut.

“Pandangan Dr. Mahathir penting kerana industri automotif negara akan berhadapan dengan saingan sengit berikutan pembukaan pasaran yang lebih luas di bawah rangka kerja Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2008 dan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

“Industri automotif negara kini bukan sahaja berdepan dengan kereta dari Jepun tetapi dari dua pengeluar kereta dunia yang semakin agresif memasarkan kereta masing-masing iaitu China dan Korea Selatan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Shahrir dan anggota jawatankuasanya dijadual mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir yang kini Penasihat Proton di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

## Bimbang

Dr. Mahathir sebelum ini melahirkan kebimbangannya ekoran kebanjiran kereta import yang dilihatnya boleh menjejaskan industri automotif negara.

Dr. Mahathir menegaskan pengeluaran AP kereta yang terlalu banyak mengancam masa depan kereta nasional, Proton.

Shahrir memberitahu, atas senario tersebut beliau berpendapat pandangan Dr. Mahathir mengenai bagaimana kerajaan dapat membantu Proton serta membentuk industri automotif yang lebih baik perlu diberi perhatian.

Ditanya sama ada beliau akan membincangkan mengenai pengeluaran AP kereta, Shahrir menjelaskan ia merupakan salah satu aspek perbincangan dalam pertemuan tersebut.

“Isu AP akan dibincangkan kerana ia melibatkan industri automotif negara serta memberi saingan kepada kereta nasional,” katanya.

Selain itu jelasnya, pandangan Dr. Mahathir juga perlu berkaitan dengan polisi pengeluaran AP kereta sekarang iaitu 10 peratus daripada pengeluaran kereta penumpang dan komersial negara.

Jelas beliau, sebelum ini pengeluaran AP kereta ialah 10 peratus daripada pengeluaran kereta penumpang negara.

“Dr. Mahathir tentu mempunyai pandangan mengenai pengeluaran jumlah AP berdasarkan pengeluaran kereta penumpang dan komersial negara serta adakah ia menjejaskan industri automotif negara,” katanya.

Shahrir menegaskan, pertemuan dengan Dr. Mahathir esok pasti akan dapat membantu kerajaan merangka industri automotif negara serta membantu Proton berhadapan dengan cabaran masa depan.